



AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	19/7/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



Harimau yang berkeliruan di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Dungun, semalam.

[Foto Ihsan Pembaca]

# Terkejut belakang dijilat harimau

**Penduduk cerita detik cemas nyaris diterkam pak belang**

Oleh Rosli Iham  
bhnews@bh.com.my

**Dungun:** Seorang penduduk mendakwa berdepan detik cemas apabila, badannya dijilat dan nyaris diterkam harimau yang muncul di Kampung Besul Lama, Bukit

Besi, di sini, semalam.

Mohamad Harun, 61, juga mendakwa mengetuk kepala harimau itu dengan kuat dalam kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu yang berlaku ketika beliau melakukan kerja membaiki rumah.

"Ketika itu, saya memegang tangga sambil mendorong melibat anak, Amizan, 22, membaiki bumbung rumah.

"Tiba-tiba, bahagian belakang saya terasa basah seperti dijilat dan menyangka anak bongsu bermain di belakang.

"Selepas dua kali mengetuknya, saya terasa ia berbulu. Sejak sahaja menoleh, saya terkejut melihat seekor harimau setinggi le-

bih satu meter di belakang," katanya.

Mohamad berkata, beliau terus menjeri dan bertari ke dapur manakala anaknya terjun serta menyalamatkan diri ke dalam rumah.

"Mujur bahagian dapur rumah dekat dan pintunya terbuka. Jika tidak, kami mungkin menjadi mangsa. Harimau itu kemudian berlegar-legar bertekatan kawasan dapur.

"Selepas haiwan itu beredar, barulah saya keluar untuk mengambal pasir kira-kira 50 meter dari rumah kerana mahu membersihkan semula kerja.

"Namun ketika berada di atas



Mohamad menunjukkan cara dia mengetuk kepala harimau yang menjilat belakangnya.

jambatan, tiba-tiba seekor harimau menentam ke arah saya menyebabkan saya bertari dan terus terjun ke sungai.

"Saya percaya ia adalah harimau yang lain kerana lebih kecil sedikit dan berbulu cerah berbanding harimau pertama," katanya yang berhindung di bawah jambatan sebelum pulang ke rumah kira-kira 30 minit kemudian.

Sementara itu, Suzana Mustafa, 26, pula mendakwa sedang menunggang motosikal ke tempat kerjanya di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bukit Besi apabila dikejut dan nyaris diterkam harimau yang keluar dari semak kira-kira jam 2 petang.

"Suami, Zulkarnain Ismail, 31, yang menunggang motosikal di belakang menjeri meminta saya memcuti motosikal kerana harimau itu semakin hampir.

"Saya memcuti sejauh kira-kira 300 meter dan muji sebuah kereta yang kebetulan berada di belakang membunyikan hon dengan kuat sebelum haiwan itu masuk ke kawasan semak berhampiran.

"Saya sangat takut dan bimbang dengan kandungan saya yang berusia enam bulan. Sepanjang kejadian itu, saya tidak putus-putus berdoa agar tidak menjadi mangsa harimau berkenaan," katanya.